

KUNJUNGAN BALAS KE PEJABAT KUMPULAN YAPEIM HOLDINGS



Dari kiri : Puan Rodziah Jamaah, Pengurus Besar KOPMEDIA, Encik Mohd Fadzil Abd Ghani, Pengerusi KOPMEDIA, Encik Kamarulzaman Salleh, Ahli Lembaga KOPMEDIA, Encik Irwan A. Rahman, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan YAPEIM Holdings, Encik Baharuddin Ishak, Penolong Setiausaha KOPMEDIA, Encik Abdul Rahim Llin, Setiausaha KOPMEDIA, Encik Ahmad Shukran Mohamed Salleh, Penolong Bendahari KOPMEDIA, Salehuddin Shah Shabudin, Ahli Lembaga KOPMEDIA, Encik Ridzwan Ahmad Pengurus Komunikasi KOPMEDIA dan Encik Amir Mat Kupli Pengurus Pemasaran Strategik KOPMEDIA.



Encik Irwan A. Rahman, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan YAPEIM Holding sedang berbincang dengan wakil KOPMEDIA



Encik Mohd Fadzil Abd Ghani, Pengerusi KOPMEDIA menyampaikan cenderahati kepada Encik Irwan A. Rahman

12 OGOS 2025 – Sebagai membalas kunjungan Encik Irwan A. Rahman, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan YAPEIM Holdings Sdn Bhd ke pejabat KOPMEDIA pada 14 Mei 2025 lalu, wakil Koperasi Media Prima Berhad (KOPMEDIA) telah mengadakan lawatan balas ke Ibu Pejabat YAPEIM di Ochre@Alamanda, Putrajaya.

Sembilan wakil KOPMEDIA hadir terdiri daripada enam Ahli Lembaga Koperasi dan tiga wakil pihak pengurusan. Lawatan kali ini meneruskan fokus kepada peluang kerjasama strategik, khususnya dalam bidang hartanah dan produk emas.

Antara inisiatif yang dibincangkan termasuk :

- Menjalin jaringan kerjasama dalam sektor perniagaan berpotensi.
- Projek produk emas untuk dijual di koperasi.
- Tawaran kontrak dan peluang usahasama perniagaan lain.

Kunjungan ini diharap dapat memperkukuh hubungan serta membuka lebih banyak ruang kerjasama yang memberi manfaat kepada kedua pihak.